

28/03/1998

Keyakinan pelabur tempatan mula pulih

Kadir Dikoh

KEYAKINAN pelabur dan penabung tempatan terhadap sistem perbankan di Malaysia mula pulih, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurutnya, ini berdasarkan maklum balas yang diterima bahawa rakyat negara ini yang mengeluarkan simpanan dipercayai melebihi RM15 bilion untuk disimpan di bank luar pesisir berikutan kejatuhan nilai ringgit beberapa bulan lalu, mula membawa balik dan menyimpannya kembali ke dalam bank tempatan.

"Memang wajar rakyat kita sendiri mempunyai keyakinan terhadap sistem bank kita. Oleh kerana ada satu dua institusi bank dan kewangan yang bermasalah, ini tidak bererti sistem bank kita bermasalah."

"Sistem bank kita sangat kukuh dan ini jelas melalui laporan Bank Negara bahawa keseluruhannya sistem perbankan kita berkemampuan memberi khidmat yang baik kepada pelabur, penabung dan sesiapa saja yang memerlukan perkhidmatan."

"Jadi, kita mempunyai pilihan di kalangan institusi bank tempatan tanpa mengambil kira satu dua yang bermasalah. Harapan kerajaan ialah supaya kita mempunyai keyakinan terhadap institusi bank kita sendiri, tidak perlu bawa keluar wang, untuk pelabur menyimpan deposit di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan kempen menabung untuk kakitangan kementeriannya di Kuala Lumpur semalam.

Januari lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan laporan kononnya wang RM20 bilion dikeluarkan dari institusi kewangan tempatan untuk disimpan di bank-bank asing berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sebelum kegawatan mata wang bermula, kira-kira RM15 bilion dianggar ditempatkan di luar pesisir. Januari lalu jumlahnya dianggarkan sehingga RM20 bilion.

Kejatuhan menjunam nilai ringgit berbanding dolar Amerika dan kebimbangan mengenai kekuatan bank tempatan, menyebabkan beberapa rakyat tempatan dikatakan mengalihkan wang tunai serta aset lain ke dalam bank asing.

Malah, sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa rakyat negara ini harus mempunyai keyakinan dalam ringgit dan bukan menukarkan wang tunai mereka kepada mata wang asing atau menempatkannya di negara luar.

Begitupun, Laporan Tahunan 1997 Bank Negara baru-baru ini mengesahkan bahawa sistem perbankan tempatan pada keseluruhannya masih kukuh dan berupaya menyerap kejutan kegawatan ekonomi.

Mengenai penggabungan sistem perbankan terutama membabitkan firma kewangan, Rafidah berkata langkah itu seharusnya dilihat secara positif kerana hasilnya bagi mewujudkan entiti lebih besar.

"Usaha penggabungan wajar beri dorongan baru kepada rakyat. Apabila unit yang tidak cekap ini (digabung dengan firma lebih besar), maka akan wujud institusi yang berkeupayaan, lebih mampu hadapi apa saja cabaran pada masa akan datang."

"Kita harus lihat penggabungan ini dari segi positif, bukan negatif. Jika tidak bergabung, institusi individu ini memang tidak begitu kukuh."

"Menerusi penggabungan juga bukan saja memperkukuhkan firma terbabit tetapi sistem perbankan keseluruhannya dan ini pula akan membantu meningkatkan keyakinan," katanya.

(END)